



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
SULTAN IDRIS SHAH

SESI | 2024 / 2025

PANDUAN **PENDAFTARAN** **PELAJAR BAHARU** **POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH**



Layari
psis.mypolycc.edu.my

**BUKU PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR
BAHARU
POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH
EDISI 2024**



**HAKCIPTA TERPELIHARA
TERBITAN 2024**

HAKCIPTA TERPELIHARA. TIADA MANA-MANA BAHAGIAN DARIPADA BUKU INI YANG BOLEH DISIAR-TERBITKAN SEMULA DALAM SEBARANG BENTUK DAN DENGAN APA CARA SEKALIPUN TERMASUKLAH ELEKTRONIK, MEKANIKAL, FOTOKOPI, RAKAMAN DAN SEBAGAINYA TANPA MENDAPAT IZIN BERTULIS DARIPADA PENULIS DAN PENERBIT POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH

DITERBITKAN OLEH

**POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH
SG. LANG, 45100 SG AIR TAWAR,
SELANGOR DARUL EHSAN**

NO. TEL : 03 3280 6200

NO. FAX : 03 3280 6400

LAMAN WEB : <https://psis.mypolycc.edu.my>



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-967-2860-92-1

**JAWATANKUASA PENERBITAN BUKU PANDUAN PENDAFTARAN
PELAJAR BAHARU
POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH
EDISI 2024**

EDITOR:

HAJI MOHD FADZLI BIN ZULKEFLEE

PENULIS:

**HAJI MOHD FADZLI BIN ZULKEFLEE
MUHAMAD FAUZI BIN CHE PA
CR. MUHAMMAD SHIBLI BIN JOHARI
KHAIRUL RIJAL BIN MAT WAHID**

REKABENTUK GRAFIK:

HAJI MOHD FADZLI BIN ZULKEFLEE

**SETINGGI PENGHARGAAN TERIMA KASIH JUGA DIUCAPKAN KEPADA
SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG DAN TIDAK
LANGSUNG DALAM MENJAYAKAN PENERBITAN BUKU INI**

PENDAHULUAN

BUKU PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH EDISI 2024 INI DISEDIAKAN SEBAGAI MAKLUMAT YANG PERLU DIKETAHUI OLEH IBUBAPA DAN PELAJAR BAHARU YANG MENDAFTAR DI POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH

SEBARANG PERUBAHAN, PENAMBAHAN YANG BELUM DIMASUKKAN DALAM BUKU PANDUAN INI AKAN DICETAK DAN DITAMBAHBAIK PADA KELUARAN BERIKUTNYA. PENGARAH ATAU PIHAK YANG DIBERIKAN KUASA OLEHNYA BERHAK UNTUK MENAMBAH, MEMINDA, ATAU MEMBATALKAN MANA-MANA KLAUSA DALAM BUKU PANDUAN INI PADA BILA-BILA MASA DENGAN ATAU TANPA NOTIS.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT	PERKARA
3	PENGENALAN
4	LOKASI
5	PROGRAM YANG DITAWARKAN
6 - 8	PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI 1 2024/2025
9 - 10	PROSES SEBELUM & SEMASA PENDAFTARAN
11	FLOW & LAYOUT PENDAFTARAN
12 - 13	PENYEDIAAN DOKUMEN PENDAFTARAN
14 - 25	PANDUAN PEMBAYARAN
26 - 28	PANDUAN PENDAFTARAN PENGAJIAN SECARA ONLINE (SPMP)
29	PERMOHONAN KAD PELAJAR
30 - 32	ETIKA RUPA DIRI PELAJAR
33 - 36	KAMSIS / ASRAMA / KOLEJ KEDIAMAN
37	BANTUAN KEWANGAN
38 - 39	MINGGU TRANSFORMASI SISWA (MTS)
40	BORANG SENARAI SEMAK

PENGENALAN

LATAR BELAKANG POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH (PSIS)

Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) terletak di Sungai Lang, Sabak Bernam, Selangor, kira-kira 30 km dari pekan Sungai Besar dan 20 km dari Sabak Bernam. Politeknik ini mula beroperasi pada 16 Mei 2003 dengan kampus seluas 100.12 ekar serta dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur dan prasarana terkini yang menawarkan persekitaran pembelajaran yang menarik dan kondusif. PSIS merupakan politeknik ke 17 yang ditubuhkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan menawarkan program-program sepenuh masa di peringkat Diploma.



LOKASI



KOORDINAT	3.811595, 100.819097
ALAMAT	Politeknik Sultan Idris Shah Sungai Lang, 45100 Sungai Air Tawar Selangor Darul Ehsan
TEKEFON	03 – 32806257/6258/6262/6255/6256
FAKS	03 – 32806400
LAMAN WEB	psis.mypolycc.edu.my
FACEBOOK	Politeknik Sultan Idris Shah

PROGRAM DIPLOMA YANG DITAWARKAN

Ayuh Sertai PROGRAM
DIPLOMA
POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH



**DIPLOMA KEJURUTERAAN
ELEKTRONIK (KOMPUTER)**



**DIPLOMA KEJURUTERAAN
ELEKTRONIK (KOMUNIKASI)**



**DIPLOMA KEJURUTERAAN
AWAM**



DIPLOMA SENI BINA



**DIPLOMA KEJURUTERAAN
ALAM SEKITAR**



**DIPLOMA TEKNOLOGI
MAKLUMAT**



**DIPLOMA PENGURUSAN
PELANCONGAN**



**DIPLOMA PERKHIDMATAN
MAKANAN AMALAN HALAL**



**DIPLOMA SAINS
KESETIAUSAHAAN**



**DIPLOMA KEWANGAN
ISLAM**

PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI I 2024/2025

Garis panduan peraturan keselamatan ini bertujuan untuk penyelarasan pendaftaran pelajar baharu bagi SESI I 2024/2025. Oleh itu pelajar yang hadir ke kampus hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut:

1. Pelajar diminta hadir ke kampus pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan bagi melancarkan proses pendaftaran Kolej Kediaman.
2. Pelajar perlu memastikan kesihatan dalam keadaan baik sebelum bergerak ke PSIS.
3. Bagi mencegah penularan wabak virus COVID-19 semua pelajar dinasihatkan membawa sendiri pelitup muka dan pensanitasi tangan (*hand sanitizer*) sepanjang berada di PSIS.
4. Pelajar diminta memaklumkan dengan kadar segera kepada *Medical Assistant (MA)* / pegawai JHEP / fasilitator sekiranya tidak sihat selepas melapor diri di PSIS.
5. Pelajar yang membawa kenderaan diminta mendaftarkan kenderaan dengan pihak JHEP PSIS.
6. Semua pelajar diminta membawa sendiri bantal dan cadar semasa Hari Pendaftaran.
7. Semua pelajar boleh membawa keperluan peralatan sendiri (peralatan juga boleh dibeli di Kedai Koperasi PSIS)
8. Semua pelajar diminta membawa sendiri keperluan ubat-ubatan.
9. Pelajar diminta memakai pakaian yang ditetapkan semasa hari pendaftaran seperti **Jadual 1.0**:

JADUAL 1.0


PELAJAR LELAKI	
BAJU & TALI LEHER	<ul style="list-style-type: none"> • Kemeja lengan panjang berwarna PUTIH dan bertali leher warna HITAM.
SELUAR & TALI PINGGANG	<ul style="list-style-type: none"> • Seluar panjang jenis 'slack' warna HITAM • Tali pinggang berwarna hitam – corak atau kepala tali pinggang yang berbentuk keterlaluan dibenarkan.
RAMBUT	<ul style="list-style-type: none"> • Pendek, kemas dan tidak diwarnakan. • Fesyen rambut yang keterlaluan tidak dibenarkan.

PELAJAR PEREMPUAN	
BAJU / BLOUSE	<ul style="list-style-type: none"> • Berbaju kurung berwarna PUTIH. • Berpakaian sopan dan tidak menjolok mata (ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan yang sensitif adalah TIDAK DIBENARKAN). • Bertudung warna HITAM (yang beragama Islam).
KAIN / SKIRT	<ul style="list-style-type: none"> • Warna HITAM • Labuh ke paras buku lali
RAMBUT	<ul style="list-style-type: none"> • Menutup aurat (bertudung) bagi yang beragama Islam. • Rambut diikat kemas dan tidak diwarnakan • Fesyen rambut yang keterlaluan tidak dibenarkan.

GAMBAR JADUAL 1.0




PROSES SEBELUM PENDAFTARAN



PROSES SEMASA PENDAFTARAN

TARIKH

29 JULAI 2024 (ISNIN)
Dewan Seri Lang, PSIS




NOTA:

- Sila rujuk *flow* dan *layout* Pendaftaran (M/S 11)
- Semua pelajar Baharu Sesi I 2024/2025 WAJIB tinggal di asrama sepanjang Semester 1.
- Program Minggu Transformasi Siswa (MTS) akan dijalankan selepas selesai urusan pendaftaran.

FLOW & LAYOUT PENDAFTARAN

DEWAN SERI LANG (DSL)



PENYEDIAAN DOKUMEN

Penghantaran Borang Jawapan Tawaran

Semua calon dikehendaki mencetak dan menyediakan dokumen berikut :

- a. Borang Jawapan Tawaran (BJT-JPP)
- b. Salinan surat tawaran yang telah disahkan
- c. Salinan kad pengenalan yang telah disahkan
- d. Salinan keputusan SPM yang telah disahkan
- e. Salinan sijil berhenti sekolah yang telah disahkan

Sila pos semua dokumen di atas ke alamat berikut:

**Pengarah,
Politeknik Sultan Idris Shah
Sungai Lang, 45100 Sungai Air Tawar
Selangor Darul Ehsan**

Pegawai yang layak untuk mengesahkan salinan sijil serta dokumen:

- Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional/ Kumpulan A
- Doktor yang bertugas di Pusat kesihatan Kerajaan sahaja
- Pengetua Sekolah Menengah d. Pegawai Polis berpangkat ASP dan ke atas
- Pegawai Tentera berpangkat Kapten dan ke atas
- Penguasa Penjara, Penguasa Bomba, Penguasa Kastam
- Pengurus Felda atau Pengurus Felcra
- Wakil Rakyat
- Pengamal Undang-undang Pesuruhjaya Sumpah
- Jaksa Pendamai
- Penghulu/Penggawa/Ketua Kampung/Pemanca/Ketua Kaum (Sabah & Sarawak)

(Sila pastikan cop pengesahan mesti mempunyai nama dan jawatan serta majikan)

PENYEDIAAN DOKUMEN

Semua calon pelajar dikehendaki melaksanakan perkara berikut:

- Cetak dan lengkapkan **SEMUA** borang **HEP1 - HEP6**. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dibawa ke PSIS semasa hari pendaftaran.
- Membuka **Akaun Bank Islam (BIMB)** atas nama pelajar dan membuat satu salinan penyata akaun bank tersebut. Butiran akaun akan dikemaskini dalam sistem politeknik semasa Minggu Transformasi Siswa (MTS).
- Pengarah PSIS juga berhak menarik balik tawaran belajar sekiranya terdapat percanggahan maklumat di antara dokumen asal dengan maklumat yang telah anda berikan semasa memohon ke Politeknik tentang perkara berikut:
 - Status kewarganegaraan
 - Keputusan Peperiksaan SPM atau Peperiksaan Akhir
 - Maklumat penglibatan di dalam aktiviti salahguna dadah
- Calon yang mendapat tawaran program yang disenaraikan di bawah ini, dikehendaki memaklumkan kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) dengan **SEGERA** sekiranya didapati **BUTA WARNA** setelah membuat Pemeriksaan Doktor.
 - Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer)
 - Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)
 - Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital)*Syarat bagi program ini adalah calon tidak buta warna.*
- Sekiranya calon memiliki **KECACATAN FIZIKAL** namun tiada Kad Orang Kelainan Upaya (OKU), calon perlu melaporkannya kepada **En. Muhammad Shibli bin Johari** di Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) melalui no telefon 03-32806261 untuk tujuan rekod.
- Bagi calon yang memiliki kad OKU, sila hantar Salinan kad tersebut untuk rekod JHEP.

PEMBAYARAN

Semua pelajar hendaklah mematuhi arahan pembayaran yuran pengajian seperti Jadual 1 Pembayaran Pelajar Baharu SESI I 2024/2025. Pihak Politeknik tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran semua yuran.

- Bayaran Yuran Pengajian **PERLU DIJELASKAN** selepas proses pengesahan penerimaan Borang Jawapan Tawaran dan ianya boleh di semak di web ambilan.mypolycc.edu.my dan sebelum hari pendaftaran iaitu pada 29 JULAI 2024 melalui kaedah JomPAY.
- Semua pembayaran yang dibuat **TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN** sekiranya anda menarik diri atau berhenti dari PSIS.
- Calon yang memohon penajaan dari mana-mana agensi kerajaan atau swasta juga dikehendaki membuat bayaran seperti pelajar lain sebelum dan semasa pendaftaran. Sebarang tuntutan selepas selesai proses permohonan penajaan, pelajar perlu mengemukakan salinan asal kelulusan penajaan ke Jabatan Hal Ehwal Pelajar PSIS bagi proses pemulangan wang bayaran yuran.
- Bayaran yuran pengajian melalui cek peribadi atau *Money Order, Postal Order* dan tunai adalah **tidak diterima**.

JADUAL PEMBAYARAN

BIL.	JENIS BAYARAN	JUMLAH (RM)	KAEDAH BAYARAN	TEMPOH
1	Yuran Pengajian	RM200.00	<p>Bayar melalui Perbankan JomPAY dari mana-mana bank tempatan secara atas talian.</p> <p>Penting: Biller Code : 802587 Biller Code Name : PSIS Ref-1 : No KP Pelajar (tanpa '-') Ref-2 : No Telefon Pelajar (tanpa '-') Jumlah : Yuran Pengajian RM200.00</p> <p>Bayaran perlu dibuat secara berasingan. RM200.00 SATU (1) resit</p>	
2	Yuran Asrama	RM60.00	<p>Bayar melalui Perbankan JomPAY dari mana-mana bank tempatan secara atas talian.</p> <p>Penting: Biller Code : 802587 Biller Code Name : PSIS Ref-1 : No KP Pelajar (tanpa '-') Ref-2 : No Telefon Pelajar (tanpa '-') Jumlah : Yuran Asrama RM60.00</p> <p>Bayaran perlu dibuat secara berasingan. RM60.00 SATU (1) resit</p>	
3	Bayaran Pelbagai	RM300.00	<p>BANK ISLAM</p> <p>Nama Bank : Bank Islam Malaysia Nama Akaun : Koperasi Politeknik Sabak Bernam Berhad No Akaun : 1205-6010-0271-21 Ref-1 : No KP Pelajar (tanpa '-') Ref-2 : No Telefon Pelajar (tanpa '-')</p> <p>Pelajar dikehendaki membuat bayaran secara melalui kaunter @ ATM @ CDM di Bank Islam sahaja. Pilih <i>Bill Presentment</i>.</p> <p>PINDAHAN WANG (Bank Islam ke Bank Islam sahaja)</p>	

*Sila buat 1 salinan slip transaksi dan bawa ke PSIS semasa lapor diri.

*Segala perbelanjaan pemeriksaan doktor ditanggung oleh pihak pelajar.

JADUAL PEMBAYARAN

BIL.	JENIS BAYARAN	JUMLAH (RM)	KAEDAH BAYARAN	TEMPOH
4	Yuran MSP	RM40.00	<p>BANK ISLAM</p> <p>PINDAHAN WANG (Bank Islam ke Bank Islam sahaja)</p> <p>Nama Bank : Bank Islam Malaysia Nama Akaun : Tetuan Majlis Sukan Politeknik No Akaun : 0403-3010-0396-21 Ref-1 : No KP Pelajar (tanpa '-') Ref-2 : No Telefon Pelajar (tanpa '-')</p> <p>Pelajar dikehendaki membuat bayaran secara melalui kaunter @ ATM @ CDM di Bank Islam sahaja.</p> <p>PINDAHAN WANG (Bank Islam ke Bank Islam sahaja)</p> <p>Sila nyatakan No Kad Pengenalan sebagai rujukan semasa membuat bayaran.</p> <p>Sila buat 3 salinan slip transaksi dan bawa ke PSIS semasa lapor diri</p> <p>Isi borang di Lampiran 8 - Borang Keahlian Pelajar Majlis Sukan Politeknik Malaysia</p>	

*Sila buat 1 salinan slip transaksi dan bawa ke PSIS semasa lapor diri.

*Segala perbelanjaan pemeriksaan doktor ditanggung oleh pihak pelajar.

MAKLUMAT PENTING

- Yuran boleh dibayar mulai **07 Julai 2024** menggunakan kaedah pembayaran yuran seperti yang dinyatakan di dalam jadual di atas.
- Patuhi arahan serta ikut kaedah bayaran yang betul ketika membuat pembayaran Yuran Pengajian, Asrama, Bayaran Pelbagai dan Keahlian MSP.
- Politeknik tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran yuran.
- Setiap resit bayaran yuran hendaklah dibuat salinan dan disimpan sebagai bukti pembayaran.
- Pelajar boleh membuat pendaftaran secara *online* **selepas 3 hari bekerja** setelah bayaran dibuat.
- Pendaftaran boleh dibuat melalui:
<http://spmp.psis.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp>

PANDUAN PEMBAYARAN YURAN PENGHAJIAN DAN YURAN ASRAMA MELALUI JOMPAY

- Semua pelajar Politeknik KPT (pelajar baharu dan senior) **DIWAJIBKAN** membuat pembayaran yuran pengajian melalui **JomPAY** melalui mana-mana perbankkan internet yang memiliki fasiliti bayaran JomPAY.
- Berikut adalah kaedah bayaran melalui JomPAY:
 - i. Log Masuk ke *Mobile Banking*
 - ii. Pilih JomPAY pada menu *Pay Bills*
 - iii. Buat Pilihan Akaun Pengguna dan isi maklumat
 - iv. Menyemak semula maklumat adalah BETUL.
 - v. Sahkan (*confirm*) pembayaran
 - vi. Cetak slip pembayaran untuk rujukan.
- Sila buat **salinan / fotokopi** resit pembayaran untuk simpanan sendiri.

BERIKUT ADALAH BANK YANG MENAWARKAN FUNGSI BAYARAN MELALUI JOMPAY:



KAEDAH PEMBAYARAN YURAN (MELALUI JOMPAY)

LANGKAH 1

- Log masuk ke perbankan pilihan dalam talian atau mobile banking.



LANGKAH 2

- Pilih JomPAY pada menu Pay Bills.




KAEDAH PEMBAYARAN YURAN (MELALUI JOMPAY)

LANGKAH 3

- Buat pilihan akaun pengguna dan isi maklumat berikut:

JOMPAY online di Perbankan Internet dan Telefon Mudah Alih dengan akaun simpanan sahaja.

- i. Biller Code : **802587**
- ii. Reference 1 : **Nombor Kad Pengenalan PELAJAR**
tanpa simbol "-" (Contoh: 030303120355)
- iii. Reference 2 : **Nombor Telefon PELAJAR** (Contoh: 0121234567)
- iv. Jumlah Yuran : **RM200.00**



PENTING!

- Sila pastikan pelajar memasukkan Nombor Kad Pengenalan Pelajar dan Nombor Telefon dengan BETUL supaya tiada kesilapan maklumat berlaku.

KAEDAH PEMBAYARAN YURAN (MELALUI JOMPAY)


LANGKAH 4

- Menyemak semula maklumat sebelum mengesahkan (CONFIRM) pembayaran.



LANGKAH 5

- **Unique JomPAY Reference Number** akan dipaparkan setelah transaksi bayaran berjaya dilakukan.



KAEDAH PEMBAYARAN YURAN (MELALUI JOMPAY)

LANGKAH 6

- Pelajar **diwajibkan mencetak resit / maklumat bayaran** ini bagi tujuan simpanan dan rekod pendaftaran pelajar.

PENTING!

- Sila laksanakan pembayaran YURAN PENGAJIAN dan YURAN ASRAMA **SECARA BERASINGAN**.
- Sila pastikan anda membuat jumlah bayaran yang betul untuk mengelakkan bayaran berganda.

KAEDAH PEMBAYARAN BAYARAN PELBAGAI

BAYARAN PELBAGAI

- Pelajar perlu membuat **Bayaran Pelbagai** sebanyak **RM300.00** bagi kelengkapan Minggu Transformasi Siswa serta bayaran insurans pelajar baharu PSIS.
- Pembayaran bayaran pelbagai boleh menggunakan **kaedah-kaedah** berikut:

BANK ISLAM

Nama Bank : Bank Islam Malaysia
Nama Akaun : Koperasi Politeknik
Sabak Bernam Berhad
No Akaun : 1205-6010-0271-21
Ref-1 : No KP Pelajar (tanpa '-')
Ref-2 : No Telefon Pelajar (tanpa '-')

- Pelajar dikehendaki membuat bayaran secara melalui kaunter @ **ATM** @ **CDM** di Bank Islam sahaja.
- Pilih *Bill Presentment*.
- **PINDAHAN WANG** - (Bank Islam ke Bank Islam sahaja)

PENDAFTARAN SEBAGAI AHLI KOPERASI

- Semua pelajar Semester 1 adalah ahli Koperasi Politeknik Sabak Bernam. Pelajar perlu mengisi borang keahlian di pautan berikut:

<http://bit.ly/ahlikpsbb>

KAEDAH PEMBAYARAN YURAN MSP (SUKAN)

YURAN MSP

- Pelajar perlu membuat **Bayaran Yuran MSP** sebanyak **RM40.00** sebagai pembayaran bagi pembangunan dan pelaksanaan sukan di politeknik.
- Pembayaran bayaran pelbagai boleh menggunakan **Pindahan Wang sahaja** (EFT - Electronic Fund Transfer) ke akaun Majlis Sukan Politeknik Malaysia.

BANK ISLAM

Nama Bank : Bank Islam Malaysia
Nama Akaun : Tetuan Majlis Sukan Politeknik
No Akaun : 0403-3010-0396-21
Ref-1 : No KP Pelajar (tanpa '-')
Ref-2 : No Telefon Pelajar (tanpa '-')

- **PINDAHAN WANG** - (Bank Islam ke Bank Islam sahaja)
- Sila kepilkan salinan slip pindahan wang sebagai bukti pembayaran.
- Borang yang lengkap berserta salinan slip pindahan wang diserahkan semasa hari pendaftaran.
- Sila rujuk - **GARIS PANDUAN PENDAFTARAN KEAHLIAN MAJLIS SUKAN POLITEKNIK MALAYSIA (MSP)**

PANDUAN PENDAFTARAN PENGHAJIAN SECARA *ONLINE* SPMP



PERINGATAN!

- Pastikan anda telah menjelaskan yuran pengajian sebelum membuat pendaftaran secara online.
- Pendaftaran ini WAJIB dilakukan sebelum pelajar hadir lapor diri di PSIS.
- Tarikh pendaftaran secara *online* pada **10 JULAI - 25 JULAI 2024**.
- Pendaftaran **tidak akan berjaya** sekiranya anda belum membuat pembayaran.
- Buat satu salinan bagi setiap slip bayaran untuk simpanan sendiri.
- Pendaftaran secara *online* hanya boleh dibuat selepas pembayaran yuran dibuat mengikut jadual berikut

Bil.	Tempoh Masa Bayaran	Pendaftaran <i>Online</i>
1	Bayaran dibuat pada hari bekerja SEBELUM jam 5.00 petang	Pendaftaran atas talian (<i>Online</i>) boleh dilaksanakan dalam tempoh 24 jam daripada pembayaran.
2	Bayaran dibuat pada hari bekerja SELEPAS jam 5.00 petang	Pendaftaran atas talian (<i>Online</i>) boleh dilaksanakan dalam tempoh 48 jam hari bekerja berikutnya.
3	Bayaran dibuat pada hari cuti hujung minggu atau cuti umum	Pendaftaran atas talian (<i>Online</i>) boleh dilaksanakan dalam tempoh 48 jam hari bekerja berikutnya.

LANGKAH-LANGKAH PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

LANGKAH 1

- Buka laman web:
<http://spmp.psis.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp>

(Baca keseluruhan maklumat sebelum masuk ke menu pendaftaran)




LANGKAH 2

- Login menggunakan No. Kad Pengenalan dan Klik 

LANGKAH 3

- Ikut arahan seperti berikut:



LANGKAH-LANGKAH PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

LANGKAH 4

- Klik pada  atau 

LANGKAH 5

- Cetak slip pengesahan Pendaftaran untuk simpanan dan rujukan anda.

Maklumat Pendaftaran Online

Maklumat Pendaftaran	
Nama
No Kp
No Pendaftaran
Program
Jabatan
Kelas
Tanah Lapordin
Masa Lapordin
Sesi Mula	I : 2021/2022
Sesi Tamat	II : 2023/2024


 Sila Upload Gambar




PENTING!

- Sekiranya butang tersebut **tiada**, ini bermakna rekod bayaran masih tiada di dalam pangkalan data. Sila jelaskan pembayaran yuran.
- Sekiranya anda sudah menjelaskan bayaran, sila tunggu selepas **3 hari bekerja**.
- Sekiranya masih gagal mendaftar, sila hubungi pihak JHEP PSIS di talian **03-32806257** atau **011-35406850**.

LANGKAH 6

- Anda tidak perlu *upload* gambar pasport di dalam maklumat tersebut. Anda perlu Upload Gambar Passport di dalam **Tatacara Panduan Permohonan Kad Pelajar** sahaja.
- Pihak JHEP berhak menolak gambar yang **tidak sesuai** selaras dengan keperluan rupadiri pelajar

PERMOHONAN KAD PELAJAR

- Muatnaik ke *link* yang disediakan selepas membuat bayaran yuran. Pelajar **DIWAJIBKAN** memuatnaik gambar berukuran pasport melalui *link*:

https://bit.ly/kpsbb_pelajar

- Gambar tersebut akan digunakan bagi proses kad pelajar.
 - Gambar tersebut perlulah dalam format **.png** atau **.jpg**
 - Gambar tersebut **DIWAJIBKAN** mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.
 - Sila lengkapkan maklumat yang dikehendaki.
- Penghantaran gambar tersebut sebelum pada **9 Julai 2024**



PELAJAR LELAKI

- Berambut kemas tidak panjang/berwarna
- Berkemeja **PUTIH** dan bertali leher **HITAM**
- Latar belakang gambar berwarna putih
- **SENYUM!**



PELAJAR PEREMPUAN (MUSLIM)

- Bertudung **HITAM**
- Kemas
- Latar belakang gambar berwarna putih
- **SENYUM!**



PELAJAR PEREMPUAN (BUKAN MUSLIM)

- Berambut kemas diikat tidak berwarna
- Memakai blaus/baju kurung **PUTIH**
- Latar belakang gambar berwarna putih
- **SENYUM!**

ETIKA RUPADIRI PELAJAR POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH

- Pelajar WAJIB mematuhi peraturan dan etika rupadiri sebagai pelajar Politeknik Sultan Idris Shah sepanjang tempoh pengajian.
- Pelajar WAJIB untuk mengikut arahan peraturan seperti senarai di bawah. Sekiranya GAGAL mematuhi peraturan dan arahan yang telah ditetapkan, Politeknik berhak untuk menahan pendaftaran dan akan dikenakan tindakan disiplin yang bersesuaian mengikut **Buku Panduan Peraturan Am PSIS Edisi 2021**.
- Sila layari pautan di bawah untuk maklumat lanjut:

<https://bit.ly/BUKUPERATURANPSISEDISITERKINI>

PELAJAR LELAKI

RUPADIRI PELAJAR LELAKI

- Memakai kemeja putih tanpa corak dan rekaan berlengan panjang
- Memakai tali leher berwarna HITAM tanpa corak
- Seluar slack formal berwarna hitam (bukan mengikut saiz fitting "*slim fit* atau *bell bottom*")
- Berstokin hitam
- Memakai kasut bertutup berwarna hitam. Dilarang memakai kasut sukan/selipar/sandal semasa hari pendaftaran.
- Kuku dan rambut mestilah mengikut arahan didalam Buku Panduan Peraturan Am PSIS Edisi 2021. Rambut panjang melepasi tengkuk, kening mata dan telinga, berfesyen dan berwarna TIDAK DIBENARKAN.
- Pemakaian aksesori adalah DILARANG SAMA SEKALI.

ETIKA RUPADIRI PELAJAR POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH

PELAJAR PEREMPUAN

RUPADIRI PELAJAR PEREMPUAN

- Memakai baju kurung longgar atau *blouse* berwarna putih dan berkain hitam tanpa corak bagi pelajar Muslim dan bukan Muslim. Pemakaian skirt labuh haruslah aras buku lali. Pemakaian seluar adalah DILARANG.
- Memakai tudung berwarna hitam menutup dada bagi pelajar muslim.
- Rambut pelajar bukan muslim hendaklah dalam keadaan kemas dan rapi. RAMBUT BERWARNA adalah tidak dibenarkan.
- Berstokin hitam
- Memakai kasut bertutup berwarna hitam. Dilarang memakai kasut sukan/selipar/sandal semasa hari pendaftaran.
- Kuku dan rambut mestilah mengikut arahan didalam Buku Panduan Peraturan Am PSIS Edisi 2021. Penggunaan perwarna kuku adalah di LARANG SAMA SEKALI.
- Pemakaian aksesori - bertindik mana-mana bahagian tubuh kecuali telinga adalah DILARANG SAMA SEKALI. Pemakaian barang kemas adalah TIDAK DIGALAKKAN dan di bawah tanggungjawab sendiri.

POSTER ETIKA RUPADIRI PELAJAR POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH

PERATURAN BERPAKAIAN KHUSUS UNTUK PELAJAR LELAKI

- a) Memakai t-shirt berkolar semasa urusan rasmi ;
- b) Memakai baju berkolar, bersesuaian dan di "tuck in":

LARANGAN

- a) Bertatoo, berkuku panjang dan memakai seluar 3" /tergantung
- b) Berambut panjang, berekor, berwarna dan berfesyen rambut yang keterlaluan.
- c) Memakai apa-apa aksesori perhiasan diri (gelang, rantai & anting-anting) ;

DESIGNING YOUR FUTURE

PERATURAN BERPAKAIAN KHUSUS UNTUK PELAJAR PEREMPUAN

- a) Digalakkan memakai baju kurung ;
- b) Wajib menutup aurat dan digalakkan bertudung melepasi paras dada bagi muslimah.

LARANGAN

- a) Memakai seluar yang ketat, londeh dan singkat ;
- b) Memakai pakaian yang menutup muka ;
- c) Mewarnakan rambut, Menindik lebih dari satu tindikan di telinga & hidung
- d) Berkuku panjang dan mewarna kuku.

PERATURAN (ETIKA BERPAKAIAN DAN SAHSIAH RUPADIRI) PELAJAR

POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH

PERATURAN BERPAKAIAN SEMASA MENGHADIRI MAJLIS RASMI ATAU URUSAN RASMI POLITEKNIK

- a) Kemas dan Sopan ;
- b) Pemakaian jeans adalah *tidak dibenarkan*

PERATURAN BERPAKAIAN SEMASA MENGHADIRI KULIAH

- a) Kemas dan Sopan ;
- b) Memakai kad pelajar sepanjang masa ketika berada di dalam kawasan kampus ;
- c) Memakai kasut bertutup dan berstokin (Atas paras buku lali kaki)

PERATURAN BERPAKAIAN SEMASA MENGHADIRI MAKMAL, AKTIVITI SUKAN, AKTIVITI KEBUDAYAAN ATAU AKTIVITI PELAJAR

- a) Mematuhi etika pakaian dan peraturan yang ditetapkan dalam aktiviti tersebut ;
- b) Memakai baju berkolar di dalam baju bengkel
- c) Seluar pendek dan baju tanpa lengan hanya dibenarkan semasa melakukan aktiviti sukan dan sekitar gelanggang sukan sahaja ;

TINDAKAN TERHADAP PELAJAR YANG MELAKUKAN PELANGGARAN PERATURAN

- 1) Mana-mana pelajar yang tidak mematuhi peraturan ini boleh dihalang daripada memasuki atau berurusan di kelas atau makmal atau pejabat yang berkenaan.
- 2) Pelajar juga boleh dikenakan denda maksimum RM 50.00 dengan memberi notis saman untuk kesemua kesalahan pada suatu masa;
- 3) Setiap kesalahan yang dilakukan di bawah peraturan ini akan direkodkan dalam rekod SPMP pelajar.

PENGUATKUASAAN

SEMUA STAF POLITEKNIK ADALAH PIHAK PENGUATKUASA KEPADA PERATURAN INI DAN BOLEH MEMBUAT TEGURAN SECARA TERUS KEPADA MANA-MANA PELAJAR

Disediakan oleh : JABATAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR (JPPeI) PSIS

KAMSIS / ASRAMA / KOLEJ KEDIAMAN

- PSIS menyediakan kemudahan kamsis / asrama / kolej kediaman kepada pelajarinya.
- Akan tetapi, pelajar semester satu (1) DIWAJIBKAN menginap di Kolej Kediaman.
- Pelajar yang ditawarkan tempat di kamsis / asrama / kolej kediaman akan ditempatkan seperti yang ditentukan oleh Pengarah atau Wakil Kuasanya.
- Keputusan pemilihan bagi mendiami kamsis / asrama / kolej kediaman adalah muktamad dan pelajar MESTI patuh pada keputusan itu.
- Pengarah mempunyai hak mutlak untuk memilih mana-mana pelajar atau orang perseorangan atau mana-mana kumpulan bagi mendiami kamsis / asrama / kolej kediaman institusi.
- Proses penempatan pelajar ke kamsis / asrama / kolej kediaman dibuat setiap semester.
- Pengarah atau Wakil Kuasanya boleh menarik balik tawaran/ mengosongkan tempat tinggal di kamsis / asrama / kolej kediaman atas sebab-sebab kepentingan institusi pada bila-bila masa.
- Semua pelajar TIDAK dibenarkan membawa kenderaan ke kamsis tanpa kebenaran.
- Pelajar perlu mendapatkan kebenaran daripada Pihak Pengurusan Kolej Kediaman untuk sebarang urusan pulang atau keluar dari Kolej Kediaman.

PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN KAMSIS / ASRAMA / KOLEJ KEDIAMAN

Di antara perkhidmatan dan kemudahan yang ada di Kolej Kediaman PSIS adalah seperti berikut:

- 3 Blok Kolej Kediaman Lelaki (Kapasiti: **950 Katil**)
- 5 Blok Kolej Kediaman Perempuan (Kapasiti: **1590 Katil**)
- Kemudahan Asas di Bilik Pelajar:
 - Katil
 - Tilam
 - Almari Pakaian
 - Meja Belajar
 - Kerusi Belajar
 - Lampu dan Kipas Bilik
- Kafetaria (Waktu Operasi: 8.30 pagi – 10.00 malam)
- Gelanggang Sukan
- Kedai COOPMART
- Dobi Layan Diri
- Kemudahan Wifi PSIS
- Kemudahan di setiap blok:
 - Bilik Gerakan Pelajar
 - Bilik Sakit
 - Surau Blok
 - Penapis Air
- Berdekatan dengan Pusat Islam

Maklumat lanjut boleh berhubung dengan:

UNIT PENGURUSAN KEDIAMAN PELAJAR (UPKPeI)

03-32806200 samb. 6285

SULTAN IDRIS SHAH

PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN KAMIS / ASRAMA / KOLEJ KEDIAMAN



PERATURAN DI KAMSIS / ASRAMA / KOLEJ KEDIAMAN

Antara Kesalahan Di Kolej Kediaman Yang Boleh Mengakibatkan Penggantungan / Pembuangan Pelajar Dari Kolej Kediaman PSIS:

- Mencemar nama baik politeknik, kakitangan atau pelajarnya dengan kelakuan, kata-kata atau tulisan menerusi apa jua bentuk media cetak mahupun elektronik.
- Merosakkan harta benda di Kolej Kediaman (vandalisme) dan mengotorkan bilik Kolej Kediaman.
- Mengganggu ketenteraman penghuni di Kolej Kediaman.
- Membawa orang asing menginap di bilik Kolej Kediaman tanpa kebenaran bertulis.
- berpindah / bertukar ke bilik lain tanpa kebenaran dan pengetahuan penyelia Kolej Kediaman / warden blok.
- Berpakaian menjolok mata / kurang sopan / berseluar jeans di kawasan Kolej Kediaman adalah dilarang sama sekali.
- Menceroboh ke bilik berlainan jantina.
- Meminum / mengedar / menyimpan / menyorok / membuat / menghisap / mempunyai apa jua alat berkaitan dengan rokok / tembakau / najis dadah / ganja / bahan lucah / minuman yang memabukkan.
- Bergaduh , terlibat atau bersubahat dengan pergaduhan samada di dalam atau di luar Kolej Kediaman.
- Berkelakuan sumbang atau tidak sopan seperti bercumbu-cumbuan atau berkhawat dan membuat sebarang perilaku atau isyarat lucah samada di dalam atau di luar kampus.
- Melibatkan diri dengan kegiatan mencuri, merompak, menyamun, memeras ugut dan menculik.

** Sila rujuk kepada buku peraturan kamsis untuk jenis-jenis kesalahan yang berkaitan.

BANTUAN KEWANGAN

- Untuk makluman semua pelajar, PSIS tidak menawarkan sumber kewangan untuk proses PdP pelajar sepanjang pengajian.
- Pelajar boleh memohon pinjaman / biasiswa / dermasiswa / zakat dari mana-mana institusi yang berkenaan dan perlu membuat **PERMOHONAN SENDIRI** ke institusi tersebut melalui kaedah yang telah ditetapkan oleh institusi bantuan kewangan tersebut.
- Pelajar juga boleh memohon Pinjaman Pendahuluan daripada PTPTN secara dalam talian setelah menerima tawaran untuk memasuki Politeknik bagi tujuan keperluan kewangan semasa hari pendaftaran.
- Informasi berkaitan pinjaman / biasiswa / dermasiswa boleh didapati melalui Telegram Info Biasiswa PSIS di bawah:

<https://t.me/+sY2fV01Z7XkwMzg1>



PENTING!

- Semua pelajar diminta untuk membuka akaun simpanan dari mana-mana bank.
- Sila masukkan segala butiran akaun simpanan ke dalam Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (akan dilaksanakan bersama pegawai HEP semasa taklimat pada Minggu Transformasi Siswa).

MINGGU TRANSFORMASI SISWA (MTS) PELAJAR BAHARU

- Untuk makluman, Minggu Transformasi Siswa Politeknik Sultan Idris Shah akan dilaksanakan pada ketetapan berikut:
 - Tarikh : **29 JULAI - 2 OGOS 2024**
 - Masa : sebagaimana di Jadual
 - Lokasi : Di sekitar PSIS
- (Sebarang info akan dimaklumkan kemudian melalui fasilitator MTS)
- Semua pelajar baharu diwajibkan mengikuti Program Minggu Transformasi Siswa (MTS) seperti di Lampiran: Jadual Hari Pendaftaran Pelajar Baharu dan Minggu Transformasi Siswa Sesi 1 : 2024/2025).

JADUAL MINGGU TRANSFORMASI SISWA (MTS) PELAJAR BAHARU

JADUAL MINGGU TRANSFORMASI SISWA PSIS SESI I : 2024/2025

TARIKH HARI	0530-0800	0800 - 1030	1100-1300	1300 - 1400	1400 - 1500	1500-16.00	1600 - 1700	1700 - 1830	1830 - 21.00
29 JUL									
30 JUL									
31 JUL									
1 OGOS									
2 OGOS									

TARIKH HARI	0530-0800	0800 - 1030	1100-1300	1300 - 1400	1400 - 1500	1500-16.00	1600 - 1700	1700 - 1830	1830 - 21.00
29 JUL									
30 JUL									
31 JUL									
1 OGOS									
2 OGOS									

NOTA

1. SEMUA TAKLIMAT AKAN DILAKSANAKAN SECARA BERSEMIKA
2. SEMUA PELAJAR MUSLIM ADALAH WAJIB SOLAT DI PUSAT ISLAM
3. PELAJAR YANG MEMPUNYAI MASALAH KESEHATAN HENDAKLAH MEMAKLUMKAN KEPADA PENASIHAT AKADEMIK/FELO BERTUGAS/PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN DENGAN SEGERA
4. TAKLIMAT KESELAMATAN LALUANTAS DAN TAKLIMAT IBUFA/PENJAGA AKAN DIBUAT AWAL SECARA TALIAN DARI MINGGU TRANSFORMASI SISWA SESI I: 24/25

(PAUTAN DIDALAM BUKU PANDUAN PELAJAR BAHARU)

BORANG SENARAI SEMAK DOKUMEN



Lampiran 2

SENARAI SEMAK DOKUMEN YANG PERLU DISEDIAKAN PELAJAR BAHARU Aktiviti: Semakan Dokumen Pendaftaran

Nama :
 No Kad Pengenalan :
 No Pendaftaran :

Dokumen pendaftaran yang telah lengkap diisi perlu diketipkan (*staple*) sekali mengikut tertib / aturan.

BIL	PERKARA	BIL SALINAN	SEMAKAN PELAJAR (/)	SEMAKAN URUSETIA (/)
1	Kad Pengenalan	1 disahkan		
2	Slip/Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	1 disahkan		
3	Sijil Berhenti Sekolah – <i>Bagi calon lepasan SPM sahaja</i>	1 disahkan		
4	Transkrip/Sijil Kolej Komuniti/Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3/Sijil Institut Kemahiran Mara – <i>Bagi calon lepasan selain SPM sahaja</i>	1 disahkan		
5	Lampiran 1 Borang Hal Ehwal Pelajar dan telah lengkap diisi (HEP 1 – 6) a) Borang HEP 1: Borang Maklumat Peribadi Pelajar b) Borang HEP 2: Laporan Pemeriksaan Doktor c) Borang HEP 3: Perakuan Pelepasan Tanggungjawab d) Borang HEP 4: Kebenaran Ibu/bapa/penjaga untuk rawatan pembedahan e) Borang HEP 5: Aku Janji Pelajar f) Borang HEP 6: Borang Pengesahan Pendapatan <i>Nota: Sila hantar borang yang asal dan telah dicop.</i>	1 ASAL		
7	Lampiran 8 Borang Keahlian Pelajar Majlis Sukan Politeknik Malaysia beserta salinan slip pembayaran	1 ASAL		
8	Slip Pengesahan Pendaftaran <i>Online</i> – <i>dicetak selepas daftar Online</i>	1 ASAL		
9	Salinan Surat Beranak/Sijil Lahir Pelajar	1 disahkan		
10	Salinan Penyata/Slip Gaji Bapa / Penjaga – <i>jika berkaitan</i>	1 disahkan		
11	Salinan Penyata/Slip Gaji Ibu / Penjaga – <i>jika berkaitan</i>	1 disahkan		
12	Salinan Resit Bayarab Pengajian RM200, Yuran Asrama RM60, Bayaran Pelbagai RM300 & Yuran Keahlian MSP RM40	1 disahkan		
13	Salinan Maklumat Akaun Bank atas nama pelajar (Muka surat yang mengandungi nombor akaun dari mana-mana akaun bank yang aktif- digalakkan buka akaun Bank Islam)	1 disahkan		
14	Salinan Kad Orang Kurang Upaya (OKU) – <i>jika berkaitan</i>	1 disahkan		
15	Salinan Surat Tajaan cth: MAIS, MAIP – <i>jika berkaitan</i>	1 disahkan		
16	Gambar berukuran passport (latar putih)	4 keping		

Tandatangan & Cop Rasmi
 Pegawai/Urusetia Bertugas

Tarikh:



GAMBARAN HARI PENDAFTARAN POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH












GAMBARAN SESI TAKLIMAT IBU BAPA POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH









SELAMAT DATANG KE POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH (PSIS)

Designing Your Future




Maklumat lanjut:

 03-32806200 / 6262 / 6251

 011-35406850

 psis.mypolycc.edu.my

e ISBN 978-967-2860-92-1



9 789672 860921

